



16 April 2014
16 April 2014
P.U. (A) 107

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS
DEPOSIT MALAYSIA (SISTEM PREMIUM BERBEZA
BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT)
(PINDAAN) 2014

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(DIFFERENTIAL PREMIUM SYSTEMS IN RESPECT OF
DEPOSIT-TAKING MEMBERS) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT)
(PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) (Pindaan) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014.

Pindaan Jadual

2. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011 [*P.U. (A) 34/2011*] dipinda dalam Jadual seperti yang berikut:

- (a) dengan menggantikan perkataan “nisbah modal berwajaran risiko” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “nisbah jumlah modal”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “modal teras” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “modal Kumpulan 1”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “nisbah modal teras” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “nisbah modal Kumpulan 1”; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan “modal asas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “jumlah modal”.